



Perkahwinan Awal Usia

Fiqah Kemaslahatan Sosial

Raihanah Azahari

Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

Islam amat menggalakkan perkahwinan bagi sesiapa yang mempunyai kemampuan dari segi fizikal dan material. Perkahwinan merupakan sunah Nabi Muhammad SAW dan membantu seseorang mencapai kesempurnaan dalam beragama. Baginda bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a., yang bermaksud, "Wahai para pemuda! Sesiapa antara kamu yang mampu berkahwin, maka kahwinlah kerana perkahwinan itu dapat menundukkan mata dan memelihara kehormatan. Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu dapat mengekang syahwat." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).



Oleh sebab perkahwinan merupakan satu institusi yang penting, Islam telah menggariskan peraturan yang lengkap bermula daripada pemilihan pasangan, seterusnya proses perkahwinan, dan tatacara kehidupan berkeluarga. Jika perkahwinan tersebut menemui jalan buntu, Islam turut menetapkan aturan untuk diikuti bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Al-Quran dan hadis tidak menetapkan had umur tertentu bagi seseorang untuk berkahwin, tetapi meletakkan asas supaya tujuan atau objektif suatu perkahwinan dapat dicapai. Antara tujuan perkahwinan termasuklah keharusan melakukan hubungan kelamin (*mu'asyarah*), menyempurnakan ibadat, menghasilkan zuriat dan mencapai ketenangan jiwa. Perkahwinan awal usia atau bawah umur atau perkahwinan kanak-kanak disebut dalam istilah fiqah sebagai nikah *al-mubakkir* atau nikah *al-sighar*, iaitu perkahwinan lelaki atau perempuan yang belum mencapai umur baligh.

Menurut Islam, terma kanak-kanak digunakan untuk merujuk seseorang yang belum baligh. Terdapat dua kaedah bagi menentukan sama ada kanak-kanak itu sudah baligh ataupun belum sama ada secara tabii atau dengan umur. Baligh secara tabii ialah penentuan berdasarkan tanda fizikal seseorang. Penentuan umur baligh secara tabii bagi lelaki ialah apabila telah *ihthilam* (keluar mani) dan kedatangan haid bagi perempuan. Apabila tanda fizikal bagi kanak-kanak tersebut tidak berlaku, had baligh ditentukan melalui umur seperti yang telah disepakati oleh para fuqaha. Menurut para fuqaha Syafii, Imam Ahmad dan Abu Yusuf, seseorang kanak-kanak mencapai umur baligh apabila berusia 15 tahun kamariah. Fuqaha Maliki dan Hanafi pula menentukan had umur baligh seseorang adalah pada usia 18 tahun.

Hukum perkahwinan awal usia


Para fuqaha berbeza pandangan tentang perkahwinan awal usia atau kanak-kanak ini. Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan ujilah anak-anak yatim itu sehingga mereka cukup umur (dewasa). Kemudian jika kamu nampak daripada keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdik dan berkebolehan

menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya ..." (*Surah al-Nisa'* 4:6).

Ibn Syubrumah berpendapat perkahwinan ini tidak diharuskan secara mutlak. Lafaz *baligh al-nikah* dalam ayat berkenaan menunjukkan bahawa seseorang yang telah sampai usia yang membolehkan dirinya bersedia untuk berkahwin, iaitu telah keluar air mani. Ayat ini secara tersirat menunjukkan bahawa perkahwinan mestilah dilaksanakan setelah mencapai usia dewasa atau baligh. Mereka juga berhujah bahawa perkahwinan yang berlaku antara Rasulullah SAW dengan Aisyah r.anha merupakan ciri khusus kepada Baginda seperti keharusan amalan poligami melebihi empat orang isteri. Ibn Syubrumah juga menjelaskan bahawa mengahwinkan kanak-kanak suatu perbuatan yang sia-sia dan tidak mendatangkan manfaat kerana kanak-kanak tiada keinginan untuk berkahwin bagi memenuhi kehendak syahwat dan mendapatkan zuriat.

Ulama yang berpendapat mengharuskan perkahwinan awal usia terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama yang merujuk definisi kanak-kanak menjelaskan bahawa jika perkataan *al-sighar* merujuk sifat individu semenjak lahir hingga mencapai usia baligh, maka dia tidak digolongkan sebagai kanak-kanak sekiranya telah baligh walaupun usianya 10 tahun, 11 tahun, dan seterusnya. Golongan kedua pula berpendapat bahawa perkahwinan bagi yang belum mencapai usia baligh adalah diharuskan. Walaupun begitu, mereka berpendapat tindakan ini tidak boleh dilakukan secara bersendirian oleh kanak-kanak tersebut.

Dalam hal ini, mazhab Maliki dan Syafii berpendapat bahawa hanya wali mujbir sahaja yang boleh mengahwinkan kanak-kanak tersebut. Mereka dianggap paling bertanggungjawab, menyayangi dan mengetahui maslahat, serta kebajikan kanak-kanak tersebut. Menurut mazhab Syafii, bapa dan datuk sebelah bapa ialah wali mujbir, manakala mazhab Maliki hanya menerima bapa dan wasi kepada bapa sebagai wali mujbir. Menurut mazhab Hanbali, selain wali mujbir, wali hakim juga mempunyai kuasa seperti wali mujbir untuk mengahwinkan seseorang termasuk kanak-kanak sekiranya ada keperluan untuk dikahwinkan



bagi menjaga kemaslahatan dirinya. Walaupun wali dibenarkan mengahwinkan kanak-kanak seperti pandangan tersebut, tetapi wali berkenaan sunat mendapatkan keizinan daripada kanak-kanak tersebut.

Bagi ulama mazhab Hanafi, meskipun dibenarkan wali asabah selain bapa dan datuk mengahwinkan anak-anak perempuan mereka, tetapi lelaki tersebut (calon suami) hendaklah sekufu dan perkahwinan tersebut dibayar dengan mahar *mithil*, jika sebaliknya perkahwinan itu tidak sah. Bagi mazhab Hanbali, perkahwinan kanak-kanak sama ada anak dara atau janda yang belum mencapai usia sembilan tahun hanya boleh dilakukan oleh wali mujbir. Jika bergelar janda dan telah mencapai usia sembilan tahun, maka keizinan kanak-kanak perempuan itu diperlukan bagi mengharuskan akad perkahwinan dijalankan. Keharusan melaksanakan perkahwinan kanak-kanak ini meskipun belum mencapai usia baligh disandarkan daripada sunah Nabi Muhammad SAW yang berkahwin dengan Aisyah r.anha yang ketika itu berusia enam tahun, kemudian bersama dengan Baginda ketika usianya sembilan tahun. Amalan ini turut diamalkan oleh para sahabat, seperti Umar bin al-Khattab, Ali bin Abi Talib, 'Urwah bin al-Zubair dan Abdullah Ibn Mas'ud.

Mazhab Hanbali juga mengukuhkan hujah mereka bersandarkan *Surah al-Talaq* 65:4 tentang panduan edah kanak-kanak perempuan yang belum datang haid dan wanita yang putus haid. Situasi edah hanya wujud apabila berlaku perceraian. Dalil ini menjelaskan bahawa kanak-kanak perempuan harus dikahwinkan dan diceraikan. Dengan itu, perkahwinan kanak-kanak, jika menepati rukun dan syarat yang ditetapkan, maka sah berdasarkan dalil al-Quran, sunah dan amalan para sahabat. Jumhur fuqaha juga mengharuskan amalan ini.

Hubungan kelamin

Perbincangan berkenaan dengan hubungan kelamin menunjukkan bahawa usia baligh dianggap sebagai had masa yang menandakan seseorang bersedia secara fizikal untuk berkahwin dan melakukan hubungan kelamin. Pada hakikatnya, tiada isu tentang hubungan kelamin antara pasangan yang kedua-duanya

“Perkahwinan awal usia boleh mendatangkan mudarat kepada diri kanak-kanak, seterusnya memberikan implikasi terhadap institusi kekeluargaan dan pembangunan negara.”

masih kanak-kanak disebabkan fizikal dan mental mereka belum memerlukannya, tetapi hal ini menjadi bahan perbincangan jika melibatkan perkahwinan antara lelaki yang telah baligh atau dewasa dengan kanak-kanak perempuan yang belum baligh. Dalam keadaan ini, hubungan kelamin boleh memudaratkan sama ada dari segi fizikal, mental, psikologi dan emosi disebabkan ketidaksediaan mereka untuk melakukan hubungan tersebut. Kehamilan yang terjadi juga berkemungkinan boleh memudaratkan anak dan ibu yang mengandung. Menurut riwayat yang sahih, meskipun Nabi Muhammad SAW berkahwin dengan Aisyah r.anha ketika usianya enam tahun, tetapi kehidupan suami isteri antara kedua-duanya bermula apabila Aisyah berumur sembilan tahun.

Di Malaysia pula, pada awalnya, kebanyakan amalan perkahwinan awal usia berlaku disebabkan oleh faktor kemiskinan. Mereka dikahwinkan untuk mendapatkan wang daripada hantaran perkahwinan bagi menampung kehidupan keluarga pada ketika itu. Kajian terkemudian pula menunjukkan bahawa kebanyakan perkahwinan awal usia berlaku disebabkan oleh faktor keterlanjuran, maka perkahwinan tersebut disegerakan bagi menutup aib atau maruah keluarga yang tercemar. Perkahwinan ini bukanlah disebabkan oleh dorongan faktor keagamaan. Dalam kajian terkini pula, terdapat empat



faktor utama yang menyebabkan berlakunya perkahwinan seumpama ini, iaitu pendapatan isi rumah yang rendah, kurang campur tangan dan sokongan daripada ibu bapa, keciciran dalam pendidikan, serta kekurangan pendedahan dalam pendidikan seksual dan kesihatan reproduktif.

Pakar kekeluargaan berpendapat, perkahwinan awal usia boleh mendatangkan mudarat kepada diri kanak-kanak, seterusnya memberikan implikasi terhadap institusi kekeluargaan dan pembangunan negara. Kanak-kanak merupakan aset negara yang perlu diberikan ruang untuk meningkatkan perkembangan diri melalui pendidikan dan peluang untuk membuat pilihan untuk kehidupan mereka apabila dewasa kelak. Kanak-kanak yang dipaksa berkahwin tidak lagi berpeluang membuat pilihan untuk kehidupan mereka dan berserah kepada situasi yang melingkungi mereka tanpa ada keupayaan intelek untuk mengubah keadaan.

Perkahwinan ialah akad yang mempunyai matlamat yang mulia seperti dijelaskan oleh firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenismu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya antara kamu perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran bagi orang yang berfikir)." (*Surah al-Rum* 30:21).

Melalui ayat ini, difahami bahawa Islam melihat rumah tangga sebagai tempat kediaman untuk mendapatkan sakinah, mawaddah dan rahmah dalam hubungan suami isteri. Hubungan ini mestilah berdasarkan kebebasan dan pilihan daripada kedua-dua pasangan atas asas saling menghormati dan berkasih sayang. Hubungan kekeluargaan yang bahagia akan melahirkan masyarakat yang sejahtera, seterusnya membina dan membangunkan kehidupan bernegara yang aman dan makmur. Malah, seorang cendekiawan Islam menyebutkan bahawa "Islam tidak menggalakkan perkahwinan lelaki yang muda dengan wanita yang terlalu tua, begitu juga wanita yang muda dengan lelaki yang terlalu tua bagi menjaga kemaslahatan kedua-duanya dalam hubungan seksual."

Pada hakikatnya, perkahwinan awal usia sah menurut syarak berdasarkan nas al-Quran dan hadis, amalan para sahabat dan pandangan para fuqaha. Walau bagaimanapun, berdasarkan perubahan faktor semasa dan setempat, perubahan sosial dan kesan negatif yang berlaku di balik isu perkahwinan ini terhadap pembangunan masyarakat Islam, maka hukum keharusan perkahwinan ini perlu dinilai kembali. Berdasarkan kaedah fiqah yang menyatakan bahawa "tidak diingkari perubahan suatu hukum disebabkan perubahan masa dan tempat", maka hukum perkahwinan kanak-kanak ini wajar dikaji dengan mengambil kira objektif syariah, masalah dan kebajikan kanak-kanak tersebut.

Dengan demikian, tindakan pihak berwajib menetapkan polisi had umur minimum perkahwinan hendaklah dilihat secara positif yang bertujuan untuk menegakkan keadilan dan menjaga kemaslahatan rakyat. Hal ini sesuai dengan kaedah fiqah, iaitu "tadbir urus pemerintah terhadap rakyat terikat dan berkait rapat dengan masalah". Ketetapan semasa ini bukanlah bertujuan mengharamkan suatu yang telah diharamkan oleh Allah SWT. Keharusan membenarkan perkahwinan pada awal usia hendaklah diputuskan dengan diteliti bagi menjaga kemaslahatan kanak-kanak terbabit. Maka itu, seseorang wali yang bertanggungjawab mengahwinkan wajib memastikan kemaslahatan dan kebajikan kanak-kanak itu. Bahkan, sekalipun perkahwinan tersebut terpaksa dilakukan, hak kanak-kanak itu untuk belajar dan mendapatkan pendidikan tidak harus diabaikan.

Berdasarkan objektif perkahwinan yang ditetapkan oleh syarak, perkahwinan mestilah berlaku sesama pasangan yang usianya sudah mampu memikul tanggungjawab sebagai suami isteri, seperti hubungan kelamin, nafkah, menguruskan rumah tangga, mengandungi dan menanggung kesan perceraian seandainya berlaku. Oleh hal yang demikian, perkahwinan awal usia ini seharusnya tidak dibenarkan kecuali setelah dinilai dengan teliti berdasarkan sebab-musabab yang wajar dan munasabah. Maka itu, perkahwinan ini bukan tertakluk pada keizinan wali atau penjaga kepada kanak-kanak tersebut semata-mata, tetapi hendaklah mendapat kebenaran hakim mahkamah syariah selepas suatu permohonan perkahwinan dikemukakan. DTI